



BIL 2/2020

# Bingkisan MENARA CONDONG

EDISI JANUARI - JUN 2020



Kempen Inisiatif  
**PENANAMAN 100,000**  
**POKOK NEGERI PERAK**

PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN



Buletin ini diterbitkan oleh  
**UNIT KOMUNITI DAN PERHUBUNGAN AWAM (PRO),  
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**  
Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan

05-622 1299

05- 621 5504

05-621 2446

mptelukintan

admin@mpti.gov.my

<http://www.mpti.gov.my> [Aduan Awam :  
http://mpti.spab.gov.my](http://mpti.spab.gov.my)



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

**En. Ismail Bin Ibrahim, AMP.**  
Yang Dipertua

### PENASIHAT

**Pn. Ramdhatur Ajma Binti Jemail, PPT.**  
Setiausaha Perbandaran

### EDITOR

**En. Megat Amerudin Bin Megat Danian, PPT.**  
Ketua Bahagian Unit Komuniti Dan Perhubungan Awam(Pro)

### PEREKA GRAFIK

**Pn. Norazrin Binti Saian**

### AHLI JAWATANKUASA

**En. Mohd Rizal Bin Hamid**

**En. Mohd Azmir Bin Ariffin**

**Pn. Nurul Hasni Binti Haji Muhamad**

**Pn. Azlina Binti Md Demyadi**

**En. Ahmad Fazree Bin Ahmad Fuzy**

**En. Mohd Ashraf Bin Hamidi**

**Pn. Zanariyah Bt Ismail**

**En. Muhammad Izzmir Bin Hj. Ramlan Ross**

**Pn. Siti Asmah Bt Jahir**

**Cik Raja Elina Afzan Bt Raja Indera Shah Peri**

**En. Mustafa Bin Mohd Saaduddin**



# *Setinggi-tinggi* **Tahniah !!**


**DIUCAPKAN KEPADA TUAN YANG DIPERTUA DI ATAS  
PENGANUGERAHAN TERSEBUT**

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2019 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan Tuan Ismail bin Ibrahim yang telah diadakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Pada 14 Ogos 2020.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak YB Dato' Ahmad Suadi bin Abdul Rahim.



*Anugerah*  
**APC 2019**



Bingkisan Menara Condong 3

# Kayuhan

# MERDEKA 2020

## PERINGKAT DAERAH HILIR PERAK



"Kayuhan Merdeka 2020 Peringkat Daerah Hilir Perak" telah diadakan pada 16 September 2020 bersempena sambutan Hari Malaysia Peringkat Daerah Hilir Perak Tahun 2020. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Azhar bin Jamaluddin, DPMP., Adun Kawasan Changkat Jong. Turut hadir sama pada program tersebut adalah Orang Besar Jajahan Hilir Perak YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Mejor Kehormat, Dato' Haji Meor Redwan Bin Mahayudin, DPMP., KMN., AMP., PPT., Yang Dipertua MPTI, Tuan

Ismail bin Ibrahim, Ketua Polis Daerah Hilir Perak,

ACP Kamarudin bin Mat Salleh dan Ketua-Ketua

Jabatan Daerah Hilir Perak. Program tersebut telah dihadiri seramai 200 orang peserta dari kawasan Daerah Hilir Perak dan ada juga dari daerah yang lain.

Pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan mengucapkan ribuan terima kasih kepada agensi yang terlibat sama dalam menjayakan program kayuhan ini.



## START / FINISH








# Majlis Pelancaran MPTI Prihatin

Majlis pelancaran Program MPTI Prihatin dan Program Korban Majlis Perbandaran Teluk Intan telah diadakan pada 3 Ogos 2020 bertempat di Arena Square MPTI jam 11.30 pagi. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Zainol Fadzi bin Hj Paharudin, Penasihat Khas kepada YAB Menteri Besar Perak. Turut hadir sama Orang Besar Jajahan Hilir Perak YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Mejor Kehormat, Dato' Haji Meor Redwan Bin Mahayudin, YB. Dato' Azhar bin Jamaluddin, Adun Changkat Jong, Yang Dipertua MPTI, Tuan Ismail bin Ibrahim, Ketua Polis Daerah Hilir Perak, ACP Kamaruddin bin Mat Salleh, Wakil Pegawai Daerah Hilir Perak, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Ketua-Ketua Jabatan MPTI serta warga kerja MPTI. Program MPTI Prihatin adalah bertujuan bagi membantu golongan yang memerlukan serta terlibat dengan bencana yang berada dalam kawasan pentadbiran MPTI.



## Program KORBAN





## Sesi Dialog Komuniti TOWN HALL MEETING

Program sesi dialog komuniti "Town Hall Meeting" Bil.2/2020 Majlis Perbandaran Teluk Intan bersama komuniti dengan tajuk "Kesejahteraan Bandar" telah diadakan pada 02 september 2020 (rabu) jam 3.00 petang bertempat di Dewan Dato' Lope Hashim Bagan Datuk. Turut hadir sama pada sesi dialog tersebut yang Dipertua MPTI, Tuan Ismail bin Ibrahim, ACP Tuan Kamaruddin Bin Mat Salleh, Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Puan Ramdhatun Ajma binti jemail setiausaha MPTI, Puan Intan Baiduri binti Ariffin, Jurutera Awam JKR Bagan Datuk, Encik Muhammad Zulfadli Bin Abdul Gamit , Wakil Jurutera JPS, Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Teluk Intan, Ketua-Ketua Jabatan Daerah Hilir Perak, Ketua-Ketua Jabatan MPTI, Jawatankuasa Sementara Pengurusan Kampung (JSPK), Penghulu Mukim dan penduduk sekitar kawasan Bagan Datuk. Seramai 150 orang jemputan yang hadir semasa sesi dialog tersebut.





Tuan Yang Dipertua MPTI berkongsi maklumat dan info berkaitan sektor pelancongan di Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk serta Pelan Pembangunan dan Perancangan terhadap sektor-sektor pelancongan di Daerah ini. Pihak MPTI akan terus memberi penumpuan penuh terhadap usaha bagi merancakkan aktiviti-aktiviti Eco-Pelancongan di Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.



# Promoh kenei Perak



# **Kempen Inisiatif PENANAMAN 100,000 POKOK NEGERI PERAK**

## **PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**



Kempen Inisiatif Penanaman 100,000 pokok di Daerah Hilir Perak telah diadakan pada 07 Oktober 2020 bertempat di sekitar jalan pintas (Jalan Changkat Jong – Padang Tembak) berhadapan Pejabat LHDN Cawangan Teluk Intan. Turut hadir Tuan Ismail bin Ibrahim, Yang Dipertua MPTI, Pn. Ramdhatus Ajma binti Jemail, Setiausaha MPTI, Encik Ahmad Hilmi bin Yunus, Ahli Majlis MPTI, wakil JKR dan ketua-ketua jabatan MPTI.

Kempen ini bersempena dengan Program Penghijauan Malaysia. Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua

pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.





## Pertandingan Keceriaan

# HARI KEBANGSAAN 2020

PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Majlis Perbandaran Teluk Intan telah mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Keceriaan Bulan Kemerdekaan 2020 Negeri Perak bagi Kategori Pihak Berkusa Tempatan (PBT) yang dianjurkan oleh Pejabat Penerangan Negeri Perak dan Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Majlis Jamuan Tea & penyampaian hadiah sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2020 Negeri Perak telah diadakan pada 15 September 2020 dengan keberangkatan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan DYMM Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim.

Turut berangkat DYT M Raja Muda Perak, Raja Jaafar Ibni Raja Muda Musa, DYT M Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima binti Sultan Idris Shah, DYAM Raja Dihilir, Raja Iskandar Zulkarnain Ibni Sultan Idris Iskandar Shah dan DYAM Raja Puan Muda, Tunku Soraya binti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.

Pada Majlis tersebut, MPTI telah diwakili oleh Yang Dipertua MPTI, Tuan Ismail bin Ibrahim, Setiausaha MPTI, Puan Ramdhatun Ajma binti Jemail dan Ketua-Ketua Jabatan MPTI serta wakil dari anggota MPTI.



# JETI BETING BERAS BASAH

## PROGRAM LAWATAN KERJA YB DATO' SUK

(SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK)  
KE DAERAH BAGAN DATUK



Program Lawatan Kerja YB. Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak ke Daerah Bagan Datuk telah diadakan pada 27 Ogos 2020. Turut hadir pada sesi lawatan tersebut ialah YBrs. Puan Halizah binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan Negeri Perak,

YB. Dato' Shahrul Zaman bin Yahya, Pengurus Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor, YBhg Dato' Mohamad Fariz bin Mohamad Hanip, Pengarah Tanah dan Galian Perak Darul Ridzuan, Encik Ismail bin Ibrahim, Yang Dipertua MPTI, Encik Emry Sazri bin Mohd Isa, Pegawai Daerah Bagan Datuk dan Ketua-Ketua Jabatan Daerah.





## LAWATAN SEJARAH KE DAERAH HILIR PERAK

Lawatan Sejarah ke Daerah Hilir Perak oleh Dr. Richard yang merupakan kenalan kepada Tuanku Sultan Perak yang sedang membuat kajian berkaitan sejarah di Perak. Turut mengiringi YDH Orang Besar Jajahan Daerah Hilir Perak dan ketua Unit Komuniti dan Perhubungan Awam Encik Megat Amerudin Bin Megat Danian dari Majlis Perbandaran Teluk Intan. Lawatan ini diselaraskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak. Antara tempat bersejarah yang dilawati adalah Bangunan Mahkamah Lama, Batu Tenggek, Balai Polis Lama Teluk Intan, Menara Condong, Pulau Bangau, Tempat gajah dilanggar keretapi.



# LAWATAN KUNJUNG HORMAT DARI MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLAND

Lawatan Kunjung Hormat Majlis Perbandaran Teluk Intan ke Majlis Daerah Cameron Highland telah diadakan pada 30 September 2020 .Pihak MPTI mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Zainal Abidin b. Md. Amin, Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highland yang telah menjemput dan menyambut kehadiran pihak MPTI.Turut hadir pada lawatan tersebut adalah Yang Dipertua MPTI, Encik Ismail bin. Ibrahim, Setiausaha MPTI, Puan Ramdhatus Ajma binti. Jemail dan Ketua-Ketua Jabatan MPTI.



## LAWATAN KUNJUNG HORMAT LHDN KE MPTI

Pihak MPTI mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Teluk Intan ke Majlis Perbandaran Teluk Intan pada 15 Julai 2020 (Rabu).



# **BENGKEL PENILAIAN RISIKO RASUAH (CRM) & PELAN ANTI RASUAH (OACP) MPTI**

Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (CRM) dan Pelan Anti Rasuah (OACP) Majlis Perbandaran Teluk Intan telah diadakan di Hotel Avillion Cameron Highland, Pahang pada 28 hingga 30 September 2020.



## **MESYUARAT AGONG ANULAE**



Mesyuarat Agong Tri Tahunan Anulae Cawangan Perak Selatan ke -16 bagi sesi 2020 - 2023 telah diadakan pada 25 Ogos 2020 bertempat di Dewan Rumah Rehat Bilik Bunga Raya.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Ismail Bin Ibrahim, Yang Dipertua MPTI. Turut hadir pada mesyuarat tersebut adalah YBhg Datuk Aziz bin Muda Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia.



# SENARAI PEKERJA TERBAIK BULANAN

## JULAI 2020 - DISEMBER 2020



### JULAI 2020

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	JAB./ BAH/ UNIT
1.	Muhammad Afifi bin Abdul Wahid	Pembantu Tadbir Gred N19	Penilaian & Pengurusan Harta
2.	Mohamad Fairus bin Razali	Pembantu Awam Gred H11	Perkhidmatan Perbandaran
3.	Kathikesu a/l Subramaniam	Pembantu Awam Gred H11	Perancang Bandar & Lanskap

### OGOS 2020

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	JAB./ BAH/ UNIT
1.	Muhammad Rizal Bin Yahya	Pembantu Tadbir Gred N22(TBK)	Unit Komuniti & Perhubungan Awam
2.	Faishal Farid Bin Muhamad Tarmizi	Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19	Penguatkuasaan
3.	Veeran A/L Kalimuthu	Pemandu Kenderaan Gred H11	Perkhidmatan Perbandaran

### SEPTEMBER 2020

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	JAB./ BAH/ UNIT
1.	Khairul Hisham Bin Yahya	Penolong Jurutera Gred JA29	OSC
2.	Salleh bin Omar	Pembantu Awam Gred H11	Perkhidmatan Perbandaran
3.	Mohd Zamri bin Sulaiman	Pembantu Awam Gred H11	Perancang Bandar & Lanskap

### OKTOBER 2020

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	JAB./ BAH/ UNIT
1.	Noreenshah Fatira Binti Khairuddin	Pembantu Tadbir Gred N22(TBK)	Penilaian & Pengurusan Harta
2.	Amila Binti Ismail Ikram	Pembantu Tadbir Gred N22(TBK)	Perancang Bandar & Lanskap

### NOVEMBER 2020

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	JAB./ BAH/ UNIT
1.	Suriani binti Mohamed Nur	Pembantu Tadbir Gred N19	Penilaian & Pengurusan Harta
2.	Muhammad Muzahid bin Saripan	Pembantu Awam Gred H11	Perkhidmatan Perbandaran

### DISEMBER 2020

BIL	NAMA	JAWATAN/ GRED	JAB./ BAH/ UNIT
1.	Kamariah Binti Bahari	Pembantu Tadbir Gred N19	Penilaian & Pengurusan Harta
2.	Mohd Rizal Bin Man	Pembantu Awam Gred H11	Perancang Bandar & Lanskap



# LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19

## DI TEMPAT KERJA

Pejabat perlu kerap melakukan nyahkuman / disinfeksi permukaan yang mudah dicemari kuman seperti:

1. Ruang kerja
2. Kaunter perkhidmatan
3. Tombol pintu
4. Papan kekunci komputer

Sekiranya terdapat pekerja yang disahkan positif COVID-19, pejabat tidak perlu ditutup. Kerap lakukan nyahkuman / disinfeksi.



Basuh tangan dengan sabun dan air atau hand sanitizer.

Jarakkan diri sejauh satu (1) meter sekiranya bergejala dan nampak orang bergejala.

Pakai penutup mulut dan hidung (mask) jika bergejala.



**MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN**

Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan

05-622 1299

05- 621 5504

05-621 2446

admin@mpti.gov.my

mptelukintan

<http://www.mpti.gov.my>

<http://mpti.spab.gov.my>

